

SIDANG MEDIA YANG BERHORMAT MENTERI HAL EHWAL UGAMA MENGENAI SITUASI COVID-19

Khamis, 12 Mac 2020 – Sembahyang Jumaat adalah Fardhu Ain. Ia adalah wajib ditunaikan kecuali ada uzur Syarie. Uzur syarie adalah satu perkara yang boleh dijadikan alasan membolehkan seseorang itu meninggalkan sembahyang jumaat yang antaranya dalam kes sekarang ini ialah apabila ianya boleh memudaratkan dirinya dan orang lain. Buat sementara, alasan ini boleh dipakai sehingga ada ketetapan yang lebih lanjut. Seperti orang-orang yang ada simptom penyakit Covid-19 dan juga orang yang kurang sihat seperti ada demam dan batuk selesma. Maka mereka itu gugur kewajipan fardhu ain nya menunaikan sembahyang Jumaat.

Mengenai perhimpunan ramai acara keraian seperti majlis-majlis perkahwinan di tempat awam ataupun perayaan-perayaan, perkara ini hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa iaitu Kementerian Kesihatan. Sebarang panduan ataupun arahan mahupun perintah daripada Kementerian Kesihatan wajib dipatuhi sebagai mentaati Wali Amri (Raja yang memerintah).

-TAMAT-

Rujukan: KHEU/BPA/PR/MAC/2020

Tarikh: 17hb Rejab 1441H bersamaan 12 Mac 2020M